



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

59 KM JALAN DI KUALA LUMPUR DIBERI NAFAS BAHARU, JANGKA HAYAT TURAPAN DISASARKAN MENINGKAT SEHINGGA 50 PERATUS

Sebanyak **59 kilometer** jalan protokol dan utama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan keluasan kira-kira **1.3 juta meter persegi** akan diturap dan diselenggara secara berperingkat dengan sasaran **meningkatkan jangka hayat turapan sehingga 50 peratus**.

Program Turapan lapan jalan ini memfokuskan kepada laluan-laluan utama yang menjadi nadi pergerakan warga kota, pengguna harian serta kenderaan dari dalam dan luar Kuala Lumpur dan dibahagikan kepada dua fasa.

Fasa Pertama melibatkan lima laluan dan mula dilaksanakan secara berperingkat pada **Ogos 2026** dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak **RM61.64 juta** dan tempoh pelaksanaan selama **24 minggu**. Lima laluan berkenaan ialah:

1. **Lebuhraya Sultan Iskandar – Jalan Damansara – Jalan Istana;**
2. **Bulatan Syed Putra – Mid Valley Megamall (arah masuk dan keluar);**
3. **Jalan Sultan Ismail (Susur Jalan Kuching – Jalan Imbi) dan Jala- Ampang (Susur Intermark – Jalan Raja Chulan);**
4. **Susur masuk Lebuhraya berhadapan Lapangan Terbang Lama (Lebuhraya KL – Seremban Fasa 1) sehingga susur masuk Lebuhraya SPE ; dan**
5. **Susur masuk Lebuhraya SPE – Pintu Gerbang (Lebuhraya KL – Seremban Fasa 2).**

Fasa Kedua melibatkan tiga laluan dan akan bermula pada **September 2026** dengan tempoh pelaksanaan selama **24 minggu**, iaitu:

1. **Bulatan Batu Caves – Simpang Jalan Sultan Sulaiman (Jalan Kuching dan Jalan Kinabalu);**
2. **Bulatan Kampung Pandan – Menara PJD (Jalan Tun Razak); dan**
3. **Pintu Gerbang – Sempadan Kuala Lumpur-Selangor (Lebuhraya KL-Seremban Fasa 3).**

YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama YBhg. Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur, hari ini turun padang bagi meninjau kerja-kerja penurapan yang sedang dilaksanakan serta melihat sendiri pelaksanaan penyelenggaraan jalan di lapangan.

Skop kerja yang dilaksanakan tidak terhad kepada penurapan permukaan jalan semata-mata, sebaliknya meliputi penyelenggaraan secara menyeluruh yang merangkumi **pembaikan kerb dan pave kerja pengisaran dan penurapan semula (Mill & Pave), penyelarasan aras manhole, penandaan semula garisan jalan (road marking), penyelenggaraan jambatan termasuk penggantian guardrail dan bridge joint, kemas tepi jalan melalui kerja pemotongan dan pembersihan (trimming road edges), pemasangan flexible pole dan rumble strip serta pembaikan loop traffic light di lokasi yang dikenal pasti.**

Bahan **Stone Mastic Asphalt (SMA14)** digunakan bagi memberikan ketahanan terhadap beban berat, manakala garisan jalan dicat semula menggunakan bahan *thermoplastic* yang mempunyai ciri pantulan cahaya bagi meningkatkan keterlihatan pada waktu malam.

Kerja penurapan ini turut memberi tumpuan kepada pembaikan kegagalan permukaan seperti **alur roda (rutting), retakan buaya (alligator cracks) dan permukaan beralun**, di samping meningkatkan *skidding resistance* bagi memberikan cengkaman tayar yang lebih optimum khususnya ketika hujan. Keadaan permukaan jalan yang lebih baik ini seterusnya membantu mengurangkan potensi **kerusakan kenderaan dan risiko kemalangan**, selain memastikan imej jalan protokol Kuala Lumpur sebagai laluan berprofil tinggi sentiasa berada dalam keadaan baik.

Dari sudut manfaat kepada rakyat dan kecekapan penyelenggaraan, projek ini disasarkan memberikan **peningkatan jangka hayat turapan sehingga 50 %**, memastikan **100 % kawasan yang terlibat bebas daripada lubang (pothole-free)**, serta memberikan **pengurangan sehingga 40 % kos penyelenggaraan rutin.**

Kerja-kerja penurapan dilaksanakan pada waktu malam antara **10.00 malam hingga 5.00 pagi** bagi mengurangkan gangguan kepada pengguna jalan raya. Pelaksanaan harian bermula dengan mobilisasi jentera, penyediaan papan tanda pelan pengurusan trafik dan semakan keadaan turapan sedia ada. Kerja *milling* dilaksanakan dari **10.00 malam hingga 1.00 pagi**, diikuti semburan *tack coat*, penurapan premix dan pemadatan dari **1.00 pagi hingga 4.30 pagi**. Pembukaan penuh laluan dilaksanakan dari **4.30 pagi hingga 5.00 pagi**.

Bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan pengguna, pelaksanaan kerja mematuhi **Manual Arahan Teknik Jalan JKR**. Penutupan lorong dilaksanakan secara berfasa dengan hanya **satu atau dua lorong ditutup pada satu-satu masa**, manakala

lorong lain dikekalkan terbuka bagi membolehkan trafik terus bergerak. Lampu limpah (*floodlights*), *Variable Message Sign* (VMS) dan *Arrow Board* berkelip turut dipasang sekurang-kurangnya **500 meter sebelum zon kerja**, manakala petugas kawalan trafik yang terlatih dengan pakaian pantul cahaya serta baton bertongkat lampu ditempatkan bagi mengawal persimpangan sepanjang tempoh kerja.

Maklumat awal kerja penurapan turut disampaikan kepada orang awam melalui **notis pemberitahuan tiga hari sebelum kerja dimulakan** di lokasi strategik, selain hebahan menerusi aplikasi navigasi seperti **Waze dan Google Maps** serta saluran radio utama. Paparan VMS pula digunakan untuk menyampaikan maklumat kerja dan cadangan laluan lencongan secara langsung.

Bagi meminimumkan kesesakan setempat, **laluan lencongan terancang** disediakan khususnya untuk kenderaan berat dengan mengalihkan pergerakan ke jalan persisiran utama. **Laluan kontra sementara** turut disediakan sekiranya penutupan penuh lorong di persimpangan tidak dapat dielakkan dalam tempoh singkat, manakala **pasukan tunda** disediakan sebagai sistem respons kecemasan untuk mengalihkan kenderaan rosak dalam zon kerja dengan pantas.

Dari aspek kawalan kualiti, **ujian core sampling dan kepadatan** akan dilaksanakan selepas penurapan bagi memastikan ketebalan dan tahap kepadatan turapan mencapai **98 hingga 100 % Marshall Density**. Suhu bancuhan aspal panas pula dikawal dalam julat **130°C hingga 150°C** semasa proses hamparan bagi mengelakkan kegagalan perlekatan.

Keselamatan pekerja turut diberi keutamaan melalui pematuhan prosedur **Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (HSE)**. Semua pekerja kontraktor G7 diwajibkan memakai **PPE lengkap, topi keledar keselamatan dan kasut berlapik besi**, manakala tapak kerja perlu dibersihkan sepenuhnya daripada sisa premix, jentera *milling* dan sebarang alat penghalang sebelum **jam 5.00 pagi** bagi memastikan laluan dapat dibuka sepenuhnya kepada trafik.

Setiap projek mempunyai tempoh pelaksanaan selama **24 minggu**, dengan keseluruhan program dijadualkan berlangsung dari **Ogos 2026 hingga Februari 2027**.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program ini memberi manfaat langsung kepada warga kota melalui **jalan yang lebih baik dan selamat, peningkatan cengkaman tayar khususnya ketika hujan, pengurangan risiko kerosakan kenderaan dan kemalangan, kawasan yang disasarkan 100 peratus bebas lubang, jangka hayat turapan yang lebih panjang sehingga 50 % serta pengurangan kos penyelenggaraan rutin sehingga 40 %**.

Langkah ini memperlihatkan pendekatan penyelenggaraan jalan yang bukan sekadar menyelesaikan kerosakan sedia ada, tetapi memberi tumpuan kepada **ketahanan**

turapan, keselamatan pengguna, kecekapan kos dan kualiti jangka panjang, demi memastikan jaringan jalan raya Kuala Lumpur terus berfungsi dengan baik sebagai nadi pergerakan warga kota dan pengguna dari seluruh negara.

Jalan yang lebih baik bukan sekadar memberi perjalanan yang lebih selesa, tetapi memastikan setiap perjalanan warga kota lebih selamat dan setiap pelaburan penyelenggaraan memberikan manfaat yang lebih panjang kepada rakyat.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
19 Ogos 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt